



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pilehanraya (Pindaan) 1971
DR.107/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Pilehanraya, 1958.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Pilehanraya (Pindaan), 1971 dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia. Tajok ringkas dan pemakaian.

2. Sekshen 16 (2) Akta Pilehanraya, 1958 ada-lah dengan ini di-pinda dengan menambahkan sa-lepas sahaja perenggan (b) dalam-nya dengan perenggan baharu (bb) yang berikut— Pindaan. Akta 19.

“(bb) provide for the procedure in the granting of approval by the Election Commission of any symbol to be used in any election :

Provided that the Election Commission shall not approve any symbol connected with any religion or sect thereof or which is otherwise incompatible with good order or morality;”.

3. Mana² kelulusan yang di-beri di-bawah peratoran 11 (2) (d) dalam Peratoran² Pilehanraya (Penjalanan Pilehanraya), 1959 mengenai sa-suatu simbol sa-belum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, jika simbol tersebut ada-lah bertentangan dengan syarat kapada sekshen baharu 16 (2) (bb), ada-lah tidak sah. Pengechualian. L.N. 69/59.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untok membuat peruntokan yang nyata bagi memberi kuasa membuat peratoran mengenai achara meluluskan simbol dalam mana² pilehanraya dan bagi mengharamkan simbol² yang ada kaitan-nya dengan mana² ugama.

[P.N. (U²) 270.]